

IM PILIH 24A 16 (e-mel)

Waktu kempen tidak sesuai

Siswa Pergerakan Pro Mahasiswa UPM mahu kempen hari biasa



>>Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

SERDANG: Mahasiswa dari pergerakan Pro Mahasiswa, Universiti Putra Malaysia (UPM) mendesak pihak pentadbiran memberi peluang pelajar menjalankan kempen pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengikut rentak mereka sendiri.

Wakil pergerakan berkenaan, Lau Wai Seng, 21, dari Fakulti Sains, berkata tindakan pentadbiran menetapkan hari berkempen pada Sabtu dan Ahad dianggap tidak relevan memandangkan kebanyakan pelajar tidak ada di kampus pada hujung minggu.

"Jumlah pelajar pada hujung minggu tidak banyak berbanding pada hari biasa menjadikan kempen yang dijalankan tidak berkesan," katanya.

Menurutnya, selain hari berkempen, pelajar jurusan perubatan tidak berpeluang menjadi calon serta tidak sempat mengenali calon bertanding kerana masih dalam cuti semester.

"Pelajar jurusan perubatan memulakan cuti semester lebih lambat dari pelajar jurusan lain dan mereka memulakan semester baru pada 18 Januari sedangkan tarikh membuang undi pada 19 Januari," katanya.



TERSEBAR...(dari kiri) Fauzie, Lau dan Khairul Azwin Radzi menunjukkan risalah yang disebar oleh pihak tertentu.

>Tiga IPTA pilih MPP Isnin ini

KUALA LUMPUR: Pilihan Raya Kampus sesi 2008-2009 yang diadakan pada Isnin ini di beberapa universiti awam sekitar Lembah Klang, diharap mampu mencipta kelainan apabila muka baru dipilih memimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menetapkan tanggal 19 Januari sebagai tarikh penting dalam kalendar kampus untuk perubahan besar pimpinan pelajar.

Lau berkata, disebabkan masalah itu, maka pelajar jurusan perubatan tidak sempat mengenali calon bertanding dan tiada pe-

timbangan Rektor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UIA, Hamidon Abdul Rahman, berkata beliau menjangkakan ramai bakal pemimpin pelajar muka baru ibarat calon bebas dalam pilihan raya kampus kali ini.

"Saya jangkakan pelajar muka baru ini bukan daripada mana-mana organisasi akan masuk bertanding berikutan desakan mereka yang mahu memimpin MPP, selain berkhidmat berdasarkan keupayaan serta kedudukan sendiri tanpa terikat atas nama persatuan.

lajar dari jurusan berkenaan dapat bertanding dalam pilihan raya itu kerana notis dikeluarkan ketika mereka sedang ber-

cuti.

"Kami menganggap mereka tidak tahu-menahu apa yang berlaku dan apabila tiba hari membuang undi, mereka mengundi sesiapa saja tanpa mengetahui latar belakang calon berkenaan," katanya.

Selain itu, Lau berkata, kaedah kempen yang dibenarkan juga seolah-olah menyekat kebebasan pelajar kerana hanya kempen secara lisan dibenarkan.

Sementara itu, pelajar Fakulti Kejuruteraan, Mohd Fauzie Jusoh, 23, yang hadir pada sesi taklimat calon 14 Januari lalu, berkata terdapat beberapa perkara mengundang tidak puas hati di kalangan calon bertanding.

"Dalam sesi taklimat itu, kami berpeluang melihat sistem e-Undi namun, ada perkara yang kami tidak puas hati seperti susunan gambar calon," katanya.